

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

1. Nyatakan jumlah tambahan hasil pendapatan yang diperolehi oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan PBA Holdings ekoran kenaikan tarif air serta jumlah subsidi air percuma dan bilangan pengguna yang menerima manfaatnya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. PBA Holdings tidak mempunyai pendapatan dan hanya PBAPP sahaja yang menjana pendapatan tahunan. Terdapat peningkatan daripada jumlah pendapatan PBAPP sebanyak RM91 juta pada tahun 2024 (sehingga 30 September 2024) berbanding dengan tahun 2023. Manakala jumlah keuntungan selepas cukai yang diperolehi oleh PBAPP meningkat sebanyak RM45 juta pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Bagi jumlah subsidi air percuma adalah berdasarkan data sehingga 30 September 2024. Anggaran jumlah subsidi air percuma (10m³) untuk bulan Julai hingga Disember 2024 adalah sebanyak RM11 juta kepada 600,643 pengguna domestik yang menerima manfaat daripada subsidi tersebut. Perincian jumlah hasil pendapatan yang diperolehi oleh PBAPP ekoran kenaikan tarif air serta jumlah subsidi air percuma dan bilangan pengguna yang menerima manfaatnya adalah seperti berikut :

Perkara	2023 (RM)	Sehingga 30 September 2024 (RM)
Pendapatan	329 juta	420 juta
Keuntungan selepas cukai	46 juta	91 juta
Jumlah subsidi air percuma*	N/A	3.8 juta
Bilangan pengguna yang mendapat subsidi air percuma*	N/A	304,439 pengguna

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

2. Nyatakan komponen kenaikan kos termasuk operasi pengeluaran air, pembaikan paip dan emolumen pekerja yang ditanggung oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan PBA Holdings termasuk juga subsidi air domestik berbanding dengan anggaran hasil pendapatan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. PBAPP telah mengemukakan data perbandingan bagi jumlah kos operasi yang terlibat mengikut jenis perbelanjaan untuk sukuan ketiga bagi tahun 2023 dan 2024. Terdapat kenaikan dalam jumlah perbelanjaan PBAPP pada tahun 2024 sebanyak RM28 juta bersamaan dengan 10% sekiranya dibandingkan pada tahun 2023. Berikut adalah komponen kenaikan kos termasuk operasi pengeluaran air, pembaikan paip dan emolumen pekerja yang ditanggung oleh PBAPP bagi sukuan ketiga tahun 2023 dan 2024:

Jenis Perbelanjaan	Sukuan Ketiga 2024	Sukuan Ketiga 2023	Perbezaan	
	RM juta	RM juta	RM juta	%
Emoluments	92	81	11	14%
Energy*	65	77	(12)	-16%
Chemical	8	7	1	12%
Financial	14	14	(0)	0%
Maintenance	34	25	9	39%
Administrative	31	19	12	58%
Depreciation	58	51	7	13%
Jumlah perbelanjaan	302	274	28	10%

Nota:

**Caj ICPT oleh TNB dikekalkan pada 3.7 sen/kwh pada 2H 2023 (1H*

2023 : 20 sen/kwh)

**Tiada kenaikan gaji pekerja semenjak tahun 2021*

Selain itu, terdapat juga peningkatan sebanyak RM66 juta bersamaan dengan 23% daripada jumlah pendapatan PBAPP di bawah hasil air (water revenue) pada sukuan ketiga tahun 2024 berbanding dengan sukuan ketiga tahun 2023. Namun, perbandingan melibatkan jumlah pendapatan di bawah subsidi air domestik tidak dapat dianalisa kerana data bagi sukuan ketiga tahun 2024 masih belum dimuktamadkan. Berikut adalah perbandingan jumlah pendapatan PBAPP hasil daripada hasil air (water revenue) dan subsidi air domestik (water subsidi domestic) bagi sukuan ketiga tahun 2023 dan tahun 2024 :-

Jenis pendapatan	Sukuan Ketiga Tahun 2024	Sukuan Ketiga Tahun 2023	Perbezaan	
	RM juta	RM juta	RM juta	%
Hasil air (water revenue)	348	282	66	23%
Subsidi air domestik (Water Subsidi - domestic)	46*	84		

Nota : * Jumlah subsidi air adalah berdasarkan kepada data setakat sukuan kedua tahun 2024. Data sukuan ketiga tahun 2024 belum dimuktamadkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

3. Nyatakan tentang pelarasan semula imbuhan Ahli Lembaga Pengarah PBA Holdings dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan butiran elaun ahli-ahli lembaga pengarahnya yang juga menerima gaji sebagai ahli badan pengurusan dan sama ada ia diteruskan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Pelarasan butiran imbuhan seperti elaun tetap dan mesyuarat bagi ahli-ahli lembaga PBA Holdings dan pengarah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang juga menerima gaji akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sehingga kini, hanya pelarasan melibatkan elaun mesyuarat sahaja yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2023. Berikut adalah jumlah elaun-elaun yang terlibat bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Pengarah adalah seperti jadual di bawah:

Elaun	Pengerusi	Timbalan Pengerusi	Pengarah
Elaun Tetap Bulanan	RM3,000.00	RM1,500.00	RM1,000.00
Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat)			
Pengerusi	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Timbalan Pengerusi	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Lembaga Pengarah	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Faedah lain yang boleh dituntut	Kos perjalanan dan penginapan untuk perniagaan, komunikasi, perlindungan perubatan dan faedah lain yang boleh dituntut.		

Terdapat di mana seorang ahli Lembaga Pengarah yang juga menerima elaun khas telah tamat tempoh kontrak bersama dengan PBAPP pada bulan September 2024. Kontrak beliau ditamatkan dan tidak disambung semula dan elaun khas yang diterima oleh beliau juga tidak diteruskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

4. Nyatakan ratio kecekapan (efficiency) dan *ratio* prestasi kewangan PBA Holdings, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berbanding dengan agensi serupa di semua negeri di Malaysia.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. *Ratio* kecekapan dan prestasi kewangan Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:

BIL.	RATIO	PBAHB		PBAPP	
		2023	2022	2023	2022
1.	<i>Operating ratio (times)</i>	0.85	0.92	0.85	0.92
2.	<i>Gross Profit margin ratio (%)</i>	35.79	31.68	35.65	31.56
3.	<i>Total asset turnover ratio (%)</i>	25.60	23.61	26.30	24.17
4.	<i>Return on assets ratio (%)</i>	2.08	5.23	2.14	5.42
5.	<i>Return on equity ratio (%)</i>	3.67	8.45	3.84	8.96
6.	<i>Earnings per share (sen)</i>	10.38	23.30	12.94	29.38

Ratio kecekapan dan prestasi kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:

BIL.	<i>RATIO</i>	2023	2022
1.	<i>Operating ratio (times)</i>	0.6	0.8
2.	<i>Gross profit margin ratio (%)</i>	54	45
3.	<i>Total aset turnover ratio (%)</i>	8	6
4.	<i>Return on assets ratio (%)</i>	4	1
5.	<i>Return on equity ratio (%)</i>	7	2

Perbandingan tidak dapat kemukakan kerana tiada maklumat dari agensi yang serupa antara negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

5. Nyatakan hasil Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco) dengan menyatakan butiran lanjutnya termasuk jumlah pelaburan oleh kedua-dua pihak dan pulangan yang boleh diperolehi.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Susulan daripada termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco) pada 29 Ogos 2024, satu (1) kajian kebolehlaksanaan projek pembangunan sistem *aeroderivative* dan *Battery Energy Storage System* (BESS) di Stesen Janakuasa Gelugor, Pulau Pinang kini sedang dilaksanakan.

Sistem *aeroderivative* ini dicadangkan bagi menggantikan sistem sedia ada dan akan bertindak sebagai sistem sokongan kepada grid bagi memastikan penjanaan kuasa yang lebih efisien dan mesra alam. Sistem BESS pula adalah bagi tujuan menjamin kestabilan bekalan elektrik (*grid stability*) di Pulau Pinang. Kedua-dua sistem ini akan menyokong misi Kerajaan Negeri sebagai negeri hijau.

Jumlah pelaburan dan butiran projek masih dalam perbincangan peringkat awal dan laporan kebolehlaksanaan projek dijangka akan disiapkan pada awal tahun 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

6. Nyatakan sama ada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pernah menerima sebarang teguran ataupun tax audit query oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) tentang jumlah cukai korporat yang dibayar oleh PDC.
- (a) Nyatakan cukai korporat yang dibayar tiap-tiap tahun sejak tahun 2007.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memulakan audit pematuhan ke atas Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tahun taksiran 2017 sehingga 2020 mulai 15 Ogos 2022. Kesemua dokumen audit dan pertanyaan LHDN telah selesai sekitar Ogos 2024. Pihak PDC telah dikenakan bayaran cukai tambahan sejumlah RM49.0 juta melalui notis bertarikh 16 Ogos 2024.

Penemuan audit oleh LHDN adalah seperti berikut:

- (i) Tiada pengecualian cukai bagi keuntungan projek Skim Perumahan Mampu Milik yang menggunakan geran dari Kerajaan Negeri sepenuhnya (RM2.53 juta);
- (ii) Amaun *future cost* dalam kos penjualan tanah industri tidak dibenarkan untuk dituntut (RM188 juta); dan
- (iii) *Marketing and Sales Promotion* – Geran operasi kepada Invest Penang dan The Penang International Halal Hub (PIHH) Development Sdn. Bhd. tidak dibenarkan untuk dituntut (RM11 juta).

- (a) Jumlah cukai korporat yang dibayar oleh PDC setiap tahun sejak tahun 2007 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	BAYARAN CUKAI
	(RM JUTA)
2007	11.77
2008	Tidak dikenakan cukai
2009	Tidak dikenakan cukai
2010	0.36
2011	1.41
2012	0.52
2013	1.09
2014	Tidak dikenakan cukai
2015	Tidak dikenakan cukai
2016	Tidak dikenakan cukai
2017	2.41
2018	21.94
2019	33.98
2020	28.70
2021	48.50
2022	70.73
2023	34.80
JUMLAH	256.21

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

7. Nyatakan apakah kedudukan, insentif, manfaat dan hasil Penang Integrated Circuit (IC) Design dan Software Park sehingga kini.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Negeri Pulau Pinang menunjukkan komitmen yang kukuh dalam membangunkan ekosistem reka bentuk litar bersepadu atau *IC Design* yang terbukti melalui penubuhan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital, atau *Penang IC Design and Digital Park*. Data menunjukkan bahawa Pulau Pinang telah muncul sebagai hab utama reka bentuk IC di Malaysia dengan lebih daripada 28 buah syarikat tempatan dan antarabangsa beroperasi di Pulau Pinang. Sektor ini semakin penting kerana ia menyokong pertumbuhan industri digital yang dijangka menyumbang 25.5 peratus (%) kepada KDNK Malaysia, menjadikan Pulau Pinang antara pusat reka bentuk IC dan perisian terkemuka di Asia Tenggara.

Penang IC Design and Digital Park yang dilancarkan pada 4 Mei 2024 adalah projek seluas 42.5 hektar di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Taman ini menawarkan anggaran sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menyokong projek-projek berimpak tinggi. Projek ini berfokus kepada penciptaan ekosistem yang dinamik dan kondusif untuk memupuk elemen inovasi, di samping menarik pelabur reka bentuk IC global dan tempatan ke Pulau Pinang. Fasa pertama melibatkan bangunan Innoplex, *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* seluas 500,000 kaki persegi dan fasa kedua, *GBS@Technoplex* yang kini dalam fasa reka bentuk bakal menawarkan anggaran 400,000 hingga 500,000 kaki persegi dan dijangka siap pada tahun 2027. Bangunan-bangunan ini direka dengan kapasiti beban lantai 5 kilonewton per meter persegi (kN/m²)

serta kapasiti elektrik yang optimum untuk menyokong aktiviti IC dan segala aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), seiring dengan keperluan syarikat semikonduktor dan R&D.

Antara manfaat yang dapat dilihat daripada inisiatif ini ialah peningkatan pelaburan asing dan tempatan di mana *Penang IC Design and Digital Park* telah berjaya menarik pelaburan daripada syarikat antarabangsa terkemuka dalam bidang digital, R&D, dan IC seperti Motorola, AMD, Microsoft dan Celestica. Melalui inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri, lebih banyak pelabur tempatan dan antarabangsa dijangka akan tertarik untuk melabur di sini. Salah satu contoh ialah *Silicon Research and Incubation Space* di bangunan *GBS TechSpace*, yang menyediakan ruang inkubasi, konsultasi dan kemudahan penyelidikan untuk syarikat pemula berpotensi yang dijadualkan akan mula beroperasi pada tahun hadapan. Hasil daripada inisiatif ini dijangka dapat menarik lebih ramai pelabur dari aktiviti bernilai tambah tinggi.

Selain itu, ia juga berjaya mencipta peluang pekerjaan di mana ia dijangka akan dapat menarik bakat tempatan khususnya dalam bidang kejuruteraan, teknologi, dan penyelidikan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan pakej insentif yang menawarkan subsidi sehingga RM2.0 juta setiap tahun bagi syarikat yang mengembangkan operasi mereka dalam sektor reka bentuk IC di Negeri Pulau Pinang. Syarikat-syarikat yang memenuhi syarat yang ditetapkan berpeluang untuk menerima subsidi ini untuk tempoh tiga (3) tahun yang merangkumi subsidi sewa, subsidi latihan dan kursus termasuk subsidi penggunaan peralatan dan perisian yang melibatkan aktiviti IC.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

8. Susulan daripada pembatalan dan kontroversi penjualan 1,067 ekar tanah di Byram / Changkat, Seberang Perai Selatan (SPS) kepada UMECH Land Sdn Bhd tanpa tender terbuka, apakah akibat yang dihadapi oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan ahli lembaga pengarah serta natijahnya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Lanjutan daripada pembatalan perjanjian bersama pihak UMECH, pihak PDC telah mengiklankan semula tender ini melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP) dan kini berada pada peringkat penilaian tawaran yang dikemukakan oleh pihak pelabur.

Adalah didapati bahawa pembatalan dan pengiklanan semula ini telah mengakibatkan tempoh sasaran pelaksanaan projek terganggu dan mengambil masa yang panjang berikutan proses semula tender. Justeru, implikasi ke atas kelewatan ini telah mengakibatkan:

- (a) PDC kehilangan peluang untuk melupuskan aset dan tidak dapat menjana hasil keuntungan yang dianggarkan berjumlah RM100.0 juta;
- (b) Sebahagian besar kos pengambilan tanah ini dibiayai melalui pinjaman bank, maka PDC perlu menanggung kos pinjaman/faedah yang tinggi;
- (c) Kos pegangan tanah ini semakin meningkat dan menjejaskan kedudukan aliran tunai PDC;

- (d) Unjuran aliran tunai PDC bagi tahun 2023 mengalami tambahan defisit berjumlah RM64.0 juta dan ini menjadikan defisit keseluruhan dianggarkan sebanyak RM117.0 juta;
- (e) Defisit tambahan ini akan mengurangkan rizab tunai dan jumlah pinjaman PDC akan meningkat; dan
- (f) Kos pembangunan meningkat dengan peningkatan kos bahan mentah dan diesel.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

9. Nyatakan ekoran kenaikan gaji anggota pentadbiran dan agensi Kerajaan Negeri sebanyak 15 peratus dengan menyatakan jumlah tambahannya, apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang disyorkan untuk memastikan kenaikan gaji disusuli dengan peningkatan prestasi penyampaian perkhidmatan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. Melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan berkuatkuasa pada 1 Disember 2024, pelarasan/kenaikan gaji sebanyak 15% akan dilaksanakan kepada penjawat awam sahaja. Buat masa ini, kenaikan tersebut tidak terpakai kepada **Anggota Pentadbiran**.

Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) kali ke-19 pada 16 Ogos 2024, mekanisme pembayaran kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 15% ini **melibatkan dua (2) fasa. Fasa pertama melibatkan pelarasan dan kenaikan sebanyak 8% dan 4%**, masing-masing bagi penjawat awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana (Gred 56 dan ke bawah), serta penjawat awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred JUSA C dan ke atas) yang akan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024. Kerajaan Negeri menganggarkan **peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 juta sebulan** bagi kenaikan fasa pertama ini, bergantung kepada persetujuan penjawat awam negeri memilih opsyen SSPA.

Manakala fasa kedua pula hanya akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026, iaitu **melibatkan pelarasan dan kenaikan masing-masing sebanyak 7% dan 3%** bagi penjawat awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, dan penjawat awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Mekanisme pembayaran secara dua fasa tersebut bertujuan memberi ruang yang mencukupi kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, mahupun Kerajaan Tempatan untuk membugar kedudukan fiskal bagi menampung keperluan perbelanjaan ini.

Seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri melalui Malaysia Madani, KPI/ prestasi jabatan dirangka berdasarkan fungsi dan peranan jabatan serta keperluan semasa perkhidmatan awam di mana setiap elemen akan dinilai secara sistematik termasuk mengambil kira setiap peringkat penilaian bagi memastikan hasil penilaian yang lebih menyeluruh dan berkesan. KPI/prestasi tersebut perlulah selaras dan meyokong pelaksanaan KPI MADANI di peringkat Persekutuan dan Visi Penang2030 di peringkat Negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan kenaikan gaji ini disusuli dengan peningkatan prestasi penyampaian perkhidmatan oleh penjawat awam, SSPA telah menggariskan kaedah penilaian KPI/prestasi yang telah ditambahbaik dan dinamakan MyPERFORMANCE. Melalui kaedah ini, KPI/ prestasi disediakan berdasarkan fungsi dan peranan jabatan dan akan dinilai melalui lima (5) instrumen penilaian prestasi pegawai iaitu:

- (i) **Penghasilan Kerja** yang merupakan objektif penyampaian perkhidmatan (Sasaran Kerja Utama/Petunjuk Prestasi Utama);
- (ii) **Kompetensi Fungsian** yang perlu dimiliki pegawai untuk melaksanakan fungsi tugas jawatan/deskripsi tugas;
- (iii) **Kompetensi Tingkah Laku** yang perlu dimiliki oleh pegawai mengikut Kumpulan perkhidmatan masing-masing;
- (iv) **Nilai Sepunya** adalah set tingkah laku penting untuk membentuk sikap pegawai supaya sentiasa mematuhi peraturan dan mengamalkan nilai-nilai teras perkhidmatan awam; dan

- (v) **Penglibatan serta Sumbangan** merupakan sumbangan pegawai di luar tugas rasmi, samada di peringkat organisasi, masyarakat, negara dan antarabangsa.

Kelima-lima instrumen tersebut merupakan KPI/prestasi penjawat awam, bagi memastikan pelarasan gaji 15% tersebut adalah setimpal dengan penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Bagi memastikan prestasi pegawai adalah baik, penilaian KPI/prestasi ini turut menekankan perkara-perkara berikut:

- (i) **Kebolehasingan/upaya pengasingan** iaitu keupayaan sistem penilaian untuk mengenal pasti tahap **prestasi sebenar pegawai** bagi menentukan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT). Penambahbaikan juga dibuat ke atas dasar kelayakan pemberian PGT, iaitu berasaskan prestasi dan tatakelakuan di mana PGT hanya layak diberikan berdasarkan penilaian prestasi, tempoh kategori cuti yang diluluskan dan tatakelakuan pegawai dalam tahun penilaian. Oleh itu, PGT hanya diberikan kepada pegawai yang mencapai tahap prestasi yang memuaskan dan lulus tapisan tatatertib. Markah penilaian prestasi untuk melayakkan PGT juga dinaikkan daripada 60% kepada 75%;
- (ii) Markah penilaian prestasi tahunan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat ditingkatkan daripada 80% kepada 85%; dan
- (iii) **Penambahbaikan syarat bagi asas pemberian pengiktirafan (Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)) melalui peningkatan markah minima penilaian prestasi daripada 85% kepada 90%** dan perlu mengambilkira **tapisan tatatertib pegawai pada tahun penilaian.**

Pemantapan tatakelakuan pegawai awam melalui pengurusan tatatertib yang bertujuan menangani isu-isu kegagalan tadbir urus pengurusan kewangan awam dan pengukuhan prosedur tatatertib bagi pegawai yang tidak hadir bertugas. Bagi pegawai berprestasi rendah atau bermasalah akan diuruskan melalui pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) yang telah dipendekkan tempoh daripada **36 bulan kepada 18 bulan** serta **pindaan markah pegawai berprestasi**

rendah daripada 60% kepada minimum 75% bagi mengeluarkan pegawai daripada perkhidmatan awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

10. Nyatakan status defisit kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mencatatkan rekodnya pada tahun lepas dan apakah tambahan yang akan ditanggung untuk menampung kenaikan gaji anggota pentadbiran sebanyak 15 peratus.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Sehingga 31 Disember 2023, Kerajaan Negeri mencatatkan defisit sebenar sebanyak RM358.80 juta, dengan kutipan hasil sebenar sebanyak RM592.96 juta berbanding perbelanjaan sebenar sebanyak RM951.76 juta. Kerajaan Negeri masih belum memutuskan sama ada Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri yang terdiri daripada YB Ahli Dewan Undangan Negeri dan YB Speaker untuk turut sama terlibat dengan kenaikan gaji melalui pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) seperti mana yang dinikmati oleh penjawat awam. Oleh itu, tiada implikasi kewangan tambahan kepada Kerajaan Negeri dalam melibatkan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

11. Nyatakan jumlah kos pelaburan dan pembaikan paip oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan PBA Holdings berbanding dengan kadar air tanpa hasil (NRW) setiap tahun sejak tahun 2007.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Berdasarkan rekod yang dikemukakan, PBAPP terpaksa menanggung jumlah kos sebanyak hampir **RM190 juta** dari tahun 2007 sehingga 2023 bagi tujuan kadar air tidak terhasil (NRW) termasuk kos pembaikan paip, penukaran meter, peralatan dan kerja-kerja kejuruteraan. Jumlah kos ini juga selari dengan peningkatan peratusan NRW dari tahun 2007 sehingga 2023 disebabkan oleh tekanan air yang lebih tinggi daripada tahun-tahun yang lalu serta frekuensi gangguan bekalan air tidak berjadual. Namun kadar NRW di negeri Pulau Pinang masih berada pada tahap rendah sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Perincian jumlah kos pelaburan untuk pembaikan paip berbanding dengan peratusan NRW setiap tahun sejak tahun 2007 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Selain itu, PBAPP juga telah menyediakan perancangan dengan jumlah kos pelaburan sebanyak **RM258 juta** bagi tahun 2024 sehingga 2028 untuk pelaksanaan projek-projek berikut:

- (i) RM155 juta untuk kerja-kerja pembaikan paip;
- (ii) RM33 juta untuk kerja-kerja pemasangan e-joy meter;

- (iii) RM21 juta untuk kerja-kerja penggantian meter; dan
- (iv) RM49 juta untuk kerja-kerja melibatkan NRW.

LAMPIRAN A**JUMLAH KOS PELABURAN UNTUK PEMBAIKAN PAIP BERBANDING PERATUSAN NRW**

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah Kos Pelaburan NRW (RM juta)	9.91	13.22	16.32	13.23	14.23	22.51	14.14	18.11	12.48	18.46	13.19	6.88	6.56	8.59	6.30	3.93	15.32
NRW %	17	16.9	19	18.2	18.4	17.6	18.2	18.3	19.9	21.5	21.9	21.7	22.9	23.5	23.6	26.3	26.8

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

12. Nyatakan sama ada Kerajaan Negeri ada memohon untuk suatu Pusat Transformasi Bandar (UTC) didirikan di Penang Sentral, Butterworth dan butiran tentang surat permohonan tersebut.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2025 pada 18 Oktober 2024, telah menjelaskan hasrat kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan kaunter-kaunter kerajaan. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan pembukaan sebuah Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang akan dibangunkan di Seberang Perai, Pulau Pinang. Inisiatif ini bertujuan memudahkan akses penduduk kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan di satu lokasi. Pada masa ini, Pulau Pinang hanya mempunyai sebuah UTC yang terletak di Bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) dan telah mula beroperasi sejak Ogos 2020 yang lalu.

Berikutannya, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengadakan mesyuarat dan lawatan kerja ke Pulau Pinang bagi membincangkan cadangan penubuhan UTC di Penang Sentral pada 10 Oktober 2024. Perbincangan tersebut masih di peringkat awalan dan terdapat beberapa perkara lain perlu dimuktamadkan secara lanjut bersama pihak MOF termasuk bentuk kerjasama serta implikasi kewangan kerana ianya akan melibatkan peruntukan yang agak besar.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang menunggu maklum balas daripada pihak MOF mengenai bentuk kerjasama yang akan dicadangkan oleh pihak MOF bagi cadangan penubuhan UTC di Penang Sentral. Kerajaan Negeri akan meneliti syarat tersebut terlebih dahulu sebelum mengemukakan surat permohonan kepada pihak MOF. Butiran mengenai surat permohonan akan diberikan setelah perkara ini dimuktamadkan.

Walaupun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik Belanjawan 2025 yang telah diumumkan bagi penambahan sebuah lagi UTC di negeri ini. Komitmen yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan di UTC KOMTAR dan sekaligus memenuhi keperluan komuniti di Seberang Perai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

13. Nyatakan sama ada Kerajaan Negeri ada memohon untuk projek pembinaan Lebuhraya Juru ke Sungai Dua dan butiran tentang surat permohonan tersebut serta kos projek, bila ia akan siap dan butiran jajarannya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Masalah kesesakan lalu lintas di antara Juru ke Sungai Dua telah dibangkitkan sejak dahulu lagi. Perkara ini telah dibangkitkan dalam sesi Taklimat Pembangunan Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 April 2024. Sesi ini turut dihadiri oleh YAB Ketua Menteri bersama ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan Negeri.

Susulan daripada pembentangan tersebut, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menubuhkan Pasukan Khas untuk meneliti Cadangan Penyelesaian Kesesakan Lalu Lintas di antara Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua (E1) dan kawasan sekitarnya. Laporan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh KKR bersama pasukan khas yang ditubuhkan telah dibuat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 29 Ogos 2024. Hasil kajian merumuskan krisis di sepanjang Plaza Tol Juru ke Sungai Dua menunjukkan 30% adalah *Through Traffic*, manakala 70% adalah *Local Traffic*. Kawasan krisis utama yang dikenal pasti antaranya adalah Persimpangan Sungai Dua, Persimpangan Permatang Pauh, Persimpangan Susur keluar masuk di antara Persimpangan Permatang Pauh (Jalan Tun Hussein Onn) ke Persimpangan Timur – Barat (Bulatan BKE), Persimpangan Bulatan

Timur – Barat (BKE), Persimpangan Susur keluar / masuk jambatan dan Persimpangan Autocity.

Kos pelaksanaan projek Juru-Sungai Dua ini dianggarkan sebanyak RM2.7 bilion. Garis masa pelaksanaan projek ini dijangka dimulakan pada tahun 2025 dan dijangka beroperasi pada tahun 2029 tertakluk kepada semua kelulusan wajib yang perlu dipatuhi.

Cadangan jajaran bagi cadangan konsep penyuraian trafik berkenaan adalah meliputi skop seperti berikut:

- (a) Cadangan pembinaan laluan terus (*Mainline Express Lanes*, MEL) sepanjang 17.3km antara Juru dan Sungai Dua;
- (b) Cadangan pembinaan laluan sedia ada tempatan (*Collector Distributor Lanes*, CDL);
- (c) Jambatan Pulau Pinang (*Penang Bridge Interchange Ramps*);
- (d) Naiktaraf Persimpangan Juru Autocity (*U-Turn*);
- (e) *Dedicated Slip Road* dari Perai ke Juru;
- (f) Naiktaraf *East - West Interchange* di Bulatan Butterworth Kulim Expressway; dan
- (g) Membina *Elevated Slip Ramp* di Jalan Tun Hussein Onn arah Selatan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A) (XXIV) 14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

14. Nyatakan sebabnya usaha untuk melancarkan projek tambakan laut seluas 650 hektar di Bagan Ajam, Butterworth tidak berjaya.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Projek tambakan laut ini masih berada di peringkat perancangan dan kajian yang teliti. Pada 13 November 2024, pihak pemaju telah mengemukakan cadangan susun atur Pelan Induk yang baharu kepada Kerajaan Negeri, yang kini sedang dalam proses penilaian dan pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelan induk yang dicadangkan ini akan melalui proses semakan yang mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat.

Seiring dengan itu, kajian-kajian penting seperti Social Impact Assessment (SIA) dan Environmental Impact Assessment (EIA) perlu dilaksanakan semula untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC). Penyediaan SIA dan EIA yang baharu ini bertujuan untuk memastikan tindakan mitigasi yang sesuai dikenal pasti bagi menangani sebarang isu sosial dan alam sekitar, di peringkat perancangan, pembinaan, serta operasi projek tersebut.

Penting untuk ditekankan bahawa sebarang Pelan Pembangunan, sama ada Pindaan Pelan Induk atau Pelan Kebenaran Merancang, akan dinilai secara menyeluruh berlandaskan dasar dan peraturan yang berkuat kuasa. Semua pihak berkepentingan dan agensi teknikal yang berkenaan akan dilibatkan dalam proses ini. Ini adalah untuk memastikan bahawa cadangan pemajuan tidak menimbulkan sebarang kesan negatif terhadap persekitaran, sosial, dan ekonomi, serta mematuhi piawaian perancangan yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

15. Nyatakan adakah masalah kekerapan gangguan bekalan air atau tekanan air rendah di Pulau Pinang untuk kawasan Parlimen Bagan dan KADUN Air Putih telah berjaya diatasi.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengenal pasti masalah berkaitan dengan kebocoran sesalur utama saiz 300 mm paip jenis simen asbestos (AC) dan paip yang usang melebihi jangka hayat paip di Parlimen Bagan. Pihak PBAPP dalam proses menjalankan kerja-kerja penggantian paip di kawasan tersebut secara berperingkat untuk memastikan pembekalan air secara optimum di Parlimen Bagan.

Manakala di KADUN Air Putih, terdapat kebocoran sesalur utama dan paip komunikasi yang lama jenis simen asbestos (AC) dan HDPE (PN10). PBAPP dalam proses menjalankan kerja-kerja penggantian paip di kawasan KADUN Air Putih seperti Jalan Abdullah Ariff, Air Itam dan juga pembaikan paip rutin di KADUN Air Putih.

Pihak PBAPP berharap dengan langkah-langkah penggantian dan pembaikan paip ini dapat mengurangkan dan menyelesaikan kes tekanan air rendah dan kebocoran paip di kawasan yang terlibat di Parlimen Bagan dan KADUN Air Putih.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

16. Nyatakan sama ada Kerajaan Negeri telah menulis surat memohon sebuah Zon Kewangan Khas (SFZ) serupa dengan Forest City di Johor Baru boleh diluluskan untuk Negeri Pulau Pinang dan kalau tidak ada, mengapa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Penang Institute sedang melaksanakan kajian berhubung Zon Kewangan Khas di Pulau Pinang seperti *Forest City* di Johor Bharu. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan seterusnya setelah hasil kajian tersebut diperhalusi dari pelbagai sudut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

17. Nyatakan syarat operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Penang Sentral, Butterworth hasil perbincangan dengan semua pihak berkenaan dan bilakah ia akan beroperasi?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Umum mengetahui bahawa **Pulau Pinang hanya mempunyai sebuah Pusat Transformasi Bandar (UTC)** yang terletak di dalam **Bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)** dan telah mula beroperasi sejak 15 Ogos 2020 yang lalu. Penubuhan UTC adalah tertakluk di bawah **bidang kuasa dan pertimbangan Kerajaan Persekutuan.**

Namun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan **Bajet 2025**, telah mengumumkan pembukaan **sebuah lagi UTC** yang akan dibangunkan di **Seberang Perai**, Pulau Pinang. Justeru itu, Kerajaan Negeri menyambut baik komitmen yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan yang diumumkan melalui ucapan Bajet 2025. Berkaitannya, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengadakan mesyuarat dan lawatan kerja ke Pulau Pinang bagi membincangkan cadangan penubuhan UTC di Penang Sentral pada 10 Oktober 2024 yang lalu. Perbincangan tersebut masih di peringkat awalan dan terdapat beberapa perkara lain perlu dimuktamadkan secara lanjut bersama pihak MOF termasuk bentuk kerjasama serta implikasi kewangan kerana ianya akan melibatkan peruntukan yang agak besar.

Pihak MOF akan mengadakan satu lagi mesyuarat susulan dengan Kerajaan Negeri untuk memperincikan perkara berkaitan agensi pemberi perkhidmatan, kos penubuhan, kerjasama strategik antara agensi pelaksanaan perolehan dan susun atur ruang pejabat.

Kesemua UTC yang ditubuhkan mempunyai konsep operasi yang sama iaitu dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Agensi Kerajaan dan Agensi Swasta yang dipusatkan serta ditempatkan di dalam satu bangunan. Namun, syarat operasi penubuhan UTC di Penang Sentral masih dalam peringkat awal untuk dimuktamadkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

18. Nyatakan apakah surat-surat yang diterima untuk meminta penjualan 30 ekar tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Batu Kawan kepada Tzu-Zhi Malaysia kekal pada harga asalnya RM40 sekaki persegi dan bukannya dinaikkan kepada RM70 sekaki persegi seperti yang disyorkan oleh PDC.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menerima surat permohonan daripada pihak Tzu-Chi untuk membeli tanah tambahan seluas 30 ekar di Batu Kawan pada kadar RM40.00 skp. Tempoh sah laku (*Right of First Refusal*) bagi pembelian tanah tambahan telah terbatal iaitu sah sehingga 2021.

Permohonan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga PDC Bil. 6/2024 pada 18 November 2024 dan mesyuarat lembaga bersetuju untuk menjual tanah tambahan seluas 30 ekar pada kadar RM40.00 skp setelah mempertimbangkan pertubuhan Tzu-Chi yang merupakan sebuah organisasi yang tidak membuat keuntungan sebaliknya merupakan pertubuhan sosial yang memberi manfaat kepada rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

19. Nyatakan hasil tender terbuka ke atas 559 ekar tanah di Changkat / Byram dan kepada syarikat manakah serta apakah harga bidaan berbanding dengan harga direct award yang ditawarkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kepada UMECH Construction Sdn Bhd atau UMECH Land Sdn Bhd?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. Mesyuarat Lembaga Tawaran PDC (A) Bil 8/2024 pada 15 November 2024 telah bersetuju untuk:
- (a) menolak tawaran yang dikemukakan oleh Petender kerana tidak mematuhi syarat-syarat utara RFP (tidak mematuhi lima (5) daripada sembilan (9) syarat-syarat utama RFP); dan
 - (b) meluluskan supaya *Request For Proposal For Collaboration In Development Of Industrial Park And Mixed Development On Land Measuring Approximately 559.64 Acres Located At Batu Kawan Industrial Park 2 (BKIP 2)*, Byram, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang diiklankan semula dengan terma syarat RFP baru yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga PDC kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

20. Nyatakan sama ada tindakan diambil kepada mana-mana pihak dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang bertanggungjawab ke atas kelemahan-kelemahan yang wujud dalam penjualan 1,067 ekar tanah PDC di Byram / Changkat secara langsung kepada UMECH Land Sdn Bhd sehingga ia dibatalkan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Tiada tindakan diambil kepada mana-mana pihak/individu di dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memandangkan proses dan prosedur penjualan tanah kepada UMECH adalah selaras dengan amalan PDC selama ini iaitu proses perolehan secara tender terbuka, *Request for Proposal* (RFP) atau rundingan terus. Semua tindakan adalah berdasarkan tatakelola yang baik dan mengikut kelulusan Mesyuarat Lembaga PDC.

Pihak PDC telah mengambil tindakan proaktif bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang dengan:

- (a) Menyedia dan mengguna pakai kertas dasar projek-projek katalis dan berimpak tinggi yang diluluskan oleh Lembaga PDC; dan
- (b) Membuat pindaan serta-merta ke atas semua surat tawaran dengan meletakkan klausa berkaitan perubahan saham syarikat sebelum menandatangani perjanjian.

Selain itu, Unit Audit Dalam dan Unit Integriti telah menjalankan siasatan dan mendapati tiada salah laku oleh mana-mana pegawai yang terlibat di dalam proses perolehan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

21. Nyatakan sebabnya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ingin menaikkan harga penjualan 30 ekar tanah di Batu Kawan kepada pertubuhan amal terkemuka Tzu-Chi Malaysia daripada RM40 sekaki persegi kepada RM70 sekaki persegi atau kenaikan hampir RM40 juta.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. Berdasarkan Perjanjian Jual Beli dan Pembangunan (*Purchase and Development Agreement* (PDA)) yang telah ditandatangani pada 26 Jun 2019, *Right of Refusal* bagi pembelian tanah tambahan seluas 30 ekar oleh pihak Tzu-Chi adalah tertakluk kepada harga nilai semasa dan tempoh pemakaian adalah selama dua (2) tahun dari tarikh perjanjian (2019 – 2021).

Permohonan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga PDC Bil 6/2024 pada 18 November 2024 dan bersetuju untuk menjual tanah tambahan seluas 30 ekar pada kadar RM40.00 skp setelah mempertimbangkan pertubuhan Tzu-Chi merupakan organisasi yang tidak membuat keuntungan sebaliknya merupakan pertubuhan sosial yang memberi manfaat kepada rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

22. Nyatakan tarikh pelancaran kerja projek pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang dan pembesaran Lapangan Terbang Antararabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang (Laluan Mutiara) kini diambil alih oleh Kementerian Pengangkutan dan telah melantik MRT Corp untuk pelaksanaan projek ini. MRT Corp sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada KOMTAR ke Pulau Silikon. Tarikh bermula pembinaan tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut.

Manakala, projek pembesaran LTAPP ini melibatkan pembesaran kapasiti lapangan terbang daripada 6.5 mppa (million passenger per annum) kepada 12 mppa apabila siap kelak. Projek pembesaran LTAPP melibatkan tiga (3) pakej seperti berikut:

- (a) *Works Package 1* (WP01) melibatkan kerja-kerja bangunan sokongan dan pembinaan *Remote Digital Virtual Tower* (RDVT);
- (b) *Works Package 2* (WP02) melibatkan kerja-kerja infrastruktur *airside* dan *apron*; dan

- (c) *Works Package 3 (WP03)* melibatkan kerja-kerja di terminal utama.

Buat masa ini, *Letter of Award (LOA)* bagi WP01 telah dikemukakan pada bulan Julai 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

23. Nyatakan tentang kenaikan cukai pintu dan adakah kadar kenaikan ini munasabah serta tambahan hasil yang diperolehi dan bagaimanakah tambahan hasil ini akan digunakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kenaikan cukai taksiran (cukai pintu) di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melibatkan kategori pegangan harta seperti perincian berikut:

BIL.	MBPP	MBSP
1.	Rumah Bertanah	Skim Kediaman Bertanah Bukan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah
2.	RMM/Pangsapuri/Kondominium	Skim Kediaman Pangsapuri Bukan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah
3.	Perdagangan Bertanah	Komersial
4.	Kedai Strata Rumah Pangsa	Kilang dan Kilang Ringan
5.	Kilang	Stesen Minyak
6.	Stesen Minyak	Stesen Minyak
7.	Hotel	Tanah Pembangunan
8.	Tanah Pembangunan (Dalam Bandar)	-
9.	Tanah Pembangunan (Luar Bandar)	-
10.	Tanah Pertanian	-

Kadar kenaikan cukai taksiran yang dikenakan oleh kedua-dua PBT adalah munasabah berdasarkan semakan terhadap kadar sewa pasaran mengikut kategori hartanah untuk tempoh lima (5) tahun tersebut. Bagi MBPP, kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilai Baru 2025 adalah sebanyak 2.13% berbanding senarai nilai sedia ada (Senarai Nilai 2020) dengan tambahan hasil sebanyak RM5,522,402.85 manakala MBSP pula adalah sebanyak 5.00% berbanding senarai nilai sedia ada (Senarai Nilai 2020) dengan tambahan hasil sebanyak RM10,757,643.63.

Hasil tambahan yang diperoleh daripada kenaikan cukai taksiran akan digunakan dengan sebaik mungkin oleh MBPP dan MBSP dalam menampung peningkatan kos penyediaan perkhidmatan kepada rakyat yang merangkumi penyelenggaraan infrastruktur awam, pengurusan pembersihan, pengindahan dan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran lain dalam memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

24. Nyatakan dasar Kerajaan Tempatan terhadap anjing liar, libat urus dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan bilangan yang ditangkap sejak tahun 2020, kos pengurusan tersebut dan apakah nasib anjing-anjing liar yang ditangkap?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara *International Aid for the Protection and Welfare of Animals* (IAPWA) dengan MBPP pada 17 Ogos 2017.

Seterusnya, dasar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam melakukan tugas kawalan populasi anjing liar adalah berpandukan Undang-undang Kecil Haiwan Merayau 1990, Pekeliling KSU KPKT Bilangan 5/2014 Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan SOP yang dirangka oleh MBSP sendiri dalam aktiviti pengurusan anjing liar.

Sejak tahun 2020, sebanyak 6,152 ekor anjing telah ditangkap di kawasan pentadbiran MBPP dan sebanyak 13,955 ekor anjing telah ditangkap di kawasan pentadbiran MBSP.

Selain itu juga, kos pengurusan bagi anjing-anjing liar ini dianggarkan sebanyak RM52,004.00 oleh MBPP dan RM50,000.00 oleh MBSP dalam tempoh setahun. Anjing-anjing liar yang ditangkap dan tidak dituntut oleh pemilik dalam tempoh tiga (3) hari akan diserahkan kepada pihak IAPWA untuk dimandulkan dan divaksinasi

dengan suntikan antirabies. Anjing yang telah dimandulkan dan divaksinasi kemudiannya akan dilepaskan kembali di kawasan tempat yang ditangkap dan diberikan kepada tuan milik baharu (*rehome*) atau tempat perlindungan haiwan swasta (*shelter*) berdasarkan SOP yang diguna pakai oleh MBPP.

Seterusnya, pengurusan yang dilakukan oleh MBSP adalah seperti berikut:

- i. Menghantar anjing yang sihat dan telah dimandulkan ke *Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) Seberang Perai selepas proses transit selama satu (1) minggu di Paun Simpanan Haiwan MBSP;
- ii. Membuat aktiviti pemandulan secara *in-house* di Paun Simpanan Haiwan MBSP oleh Klinik Veterinar Swasta yang dilantik oleh MBSP;
- iii. Menjalankan aktiviti anjing untuk dipelihara (*Dogs For Adoption*) kepada orang awam dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- iv. Memulangkan atau membuat serahan semula anjing kepada NGO yang terlibat dalam program *T-Trap, N-Neuter, R-Release, M-Manage & CE-Community Engagement* (TNR-M&CE). Proses ini berlaku seandainya MBSP tertangkap anjing milik lokaliti yang terlibat dalam program (TNR-M&CE); dan
- v. *Euthanasia (Put To Sleep)* anjing yang disahkan sakit oleh Pegawai Veterinar MBSP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

25. Nyatakan gaji dan elaun penuh semua Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri dan setiap Ahli EXCO, termasuk elaun agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. Gaji dan elaun penuh semua Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri termasuk YAB Ketua Menteri dan setiap Ahli EXCO adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

GAJI / ELAUN (RM)	KETUA MENTERI	TIMBALAN KETUA MENTERI	EXCO
GAJI POKOK	14,175.15	12,109.29	12,109.29
ELAUN MEMANGKU	Tiada	1,331.00	Tiada
ELAUN MESYUARAT MMK	500.00	500.00	500.00
ELAUN ADUN	11,250.00	11,250.00	11,250.00
ELAUN ANGGOTA PENTADBIRAN	6,500.00	4,500.00	4,500.00
ELAUN RUMAH ANGGOTA PENTADBIRAN	4,000.00	3,000.00	3,000.00
ELAUN KERAIAN	5,500.00	2,500.00	2,500.00
ELAUN KAKITANGAN RUMAH	3,000.00	1,000.00	1,000.00
ELAUN PERJALANAN ANGGOTA PENTADBIRAN	Tiada	Tiada	Tiada
ELAUN PEMANDU	Tiada	Tiada	Tiada
ELAUN PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG (CMI)	1,000	Tiada	Tiada

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

26. Nyatakan apakah nasib feri-feri lama ikonik dan berwarisan yang kalau bukan tenggelam dibiarkan berkarat khususnya perancangan masa depan.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah menyerahkan salah satu (1) feri ikonik iaitu Feri Pulau Angsa kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan feri tersebut. Feri-feri lama yang lain adalah di bawah seliaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan bukan Kerajaan Negeri.

Susulan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) telah melaksanakan perolehan secara *Request for Proposal* (RFP) untuk pelantikan operator bagi melaksanakan pembaikan, pemuliharaan dan pembangunan feri tersebut sebagai produk pelancongan. Ini bagi memaksimumkan penggunaan feri sedia ada disamping memajukan sektor pelancongan dan meningkatkan ekonomi negeri.

Feri Pulau Angsa akan dijadikan sebagai restoran makanan laut halal dan akan dilabuhkan di kawasan daratan Gurney Bay bagi mengelakkan risiko karam. Ini juga dapat memastikan keselamatan feri dan pengunjung lebih terjamin serta memudahkan penyelenggaraan berkala feri di masa akan datang. Pengurusan dan pembangunan feri tersebut akan dikendalikan oleh operator yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

27. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk pembangunan kawasan Parlimen Bagan yang akan datang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah membuat perancangan untuk pembangunan kawasan Parlimen Bagan pada masa akan datang berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 iaitu seperti berikut:-
- (i) Cadangan sebagai Zon Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di Penang Sentral, Butterworth;
 - (ii) Cadangan *20-minutes City* bagi kawasan Butterworth-Kepala Batas dan Butterworth-Bukit Mertajam. *20-minutes City* ini merupakan konsep kemudahsampaian dalam jangka masa 20 minit ke kawasan kemudahan masyarakat, kawasan riadah, pusat pekerjaan, universiti/sekolah awam, hospital awam dan perumahan;
 - (iii) Penjanaaan semula kawasan '*Waterfront Butterworth*' bagi membuka peluang ekonomi baharu serta meningkatkan reka bentuk bandar Butterworth kepada lebih berdaya huni;
 - (iv) Cadangan pembaharuan semula kawasan bangunan perniagaan lama dan tambahan kawasan perniagaan di Bagan Luar, Butterworth;

- (v) Cadangan stesen *Light Rail Transit* (LRT) di Penang Sentral, Butterworth;
- (vi) Cadangan laluan basikal di bandar Butterworth;
- (vii) Cadangan menaik taraf produk pelancongan rekreasi iaitu di Pantai Robina dan Pantai Bersih;
- (viii) Cadangan pembinaan produk pelancongan MICE (*Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions*) di pusat bandar Butterworth;
- (ix) Mengekalkan dan menaik taraf jeti nelayan di Pangkalan Bagan Ajam bagi memastikan operasi pendaratan dan pemasaran ikan yang sempurna; dan
- (x) Menaik taraf pelabuhan untuk meningkatkan kapasiti pelabuhan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

28. Nyatakan tindakan yang diambil untuk mengatasi mendapan tanah atau *sinkhole* di Jalan Bagan Lalang dan kos pembaikan semula.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kejadian *sinkhole* yang berlaku pada tahun 2022 di Jalan Bagan Lalang adalah disebabkan oleh kerosakan atau kebocoran saluran paip kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) yang berada di bawah tanah.

Skop pembaikan kebocoran saluran kumbahan yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Penutupan sebahagian jalan untuk ruang kerja;
- (ii) Menanam *sheetpile* sebagai struktur penahan tanah;
- (iii) Mengorek hingga ke aras paip kumbahan;
- (iv) Membaiki dan menukar ganti saluran paip yang bocor;
- (v) Menimbus dan memadatkan semula tanah; dan
- (vi) Membina semula jalan yang rosak.

Kos yang terlibat bagi pembaikan *sinkhole* oleh pihak IWK adalah sebanyak RM150,000.00. Manakala, kerja menaik taraf paip kumbahan jangka panjang pula akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) melalui projek penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) di Mak Mandin dan pembinaan rangkaian paip pembedungan dalam kawasan tadahan Butterworth North, Pulau Pinang dengan kos keseluruhan berjumlah RM650,506,461.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

29. Nyatakan apakah perancangan pembangunan masa depan untuk kawasan DUN Air Putih.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030), kawasan DUN Air Putih berada di dalam zon kawasan hutan simpan, hutan, pertanian, badan air dan kawasan keutamaan pembangunan satu (1). Cadangan pembangunan yang dibenarkan di kawasan keutamaan pembangunan satu (1) adalah perniagaan, perumahan, perindustrian, infrastruktur, utiliti, kemudahan awam, kawasan lapang, kuari dan rezab-rezab kerajaan.

Lot-lot tanah yang masih belum dimajukan akan dikawal perancangan dengan merujuk kepada RSNPP 2030 dan garis panduan sedia ada di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Dasar yang telah digariskan bagi menggalakkan pembangunan DUN Air Putih adalah seperti berikut:

- (a) L3.1.2.6: Memperkasakan produk-produk pelancongan agro dan eko melalui perancangan dan program yang dapat menarik kedatangan pelancong yang lebih ramai;
- (b) Zon Pelancongan Eko Bukit Bendera; dan
- (c) L5.1.5.3: Mendapatkan Pengiktirafan UNESCO bagi memelihara Bukit Bendera dan kawasan hutan persekitarannya sebagai *Biosphere Reserve*.

Terdapat beberapa projek yang sedang diteliti untuk pelaksanaan yang tertakluk kepada kelulusan peruntukan seperti berikut:

- (a) Cadangan Meroboh dan Membina Baharu Masjid Al-Qadree Jalan Zoo;
- (b) Kerja penyelenggaraan berkala bagi Sungai Air Putih yang melibatkan kerja-kerja tebasan rumput, pembersihan sampah sarap di rizab Sungai dan pengorekan mendapan; dan
- (c) Kerja-Kerja penyelenggaraan infrastruktur jalan raya, sistem perparitan, bahu jalan, perabot jalan dan lain-lain kerja berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIV)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

30. Nyatakan bilangan penumpang keretapi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) tahun ini berbanding tahun lepas dan status kemajuan kerja untuk projek kereta kabel di Bukit Bendera.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Bilangan penumpang kereta api funikular Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) tahun ini berbanding tahun lepas adalah seperti **Jadual 1**.

TAHUN	JUMLAH PENUMPANG
2023	1,665,811
2024 (sehingga 31 Oktober)	1,445,102

Jadual 1: Jumlah Penumpang Kereta Api Furnikular Bagi Tahun 2023 dan 2024.

Status kemajuan kerja semasa untuk projek kereta kabel di Bukit Bendera adalah seperti berikut:

- (i) Sesi libat urus telah diadakan pada 8 Oktober 2024 untuk menerangkan mengenai Pelan Pengurusan Trafik (TMP) kepada pihak berkepentingan yang terlibat, wakil penduduk, Kelab Menembak Pulau Pinang, dan pengurusan perkhidmatan jip. Satu sidang media yang dipengerusikan oleh YB Zairil Khir Johari telah diadakan pada 20 September 2024 dan pelaksanaan TMP telah bermula di tapak pada 15 Oktober 2024 dan akan diteruskan sehingga projek selesai.

- (ii) Pembinaan tapak penjaja sementara di Taman Botani siap pada 1 Oktober 2024 dan mula beroperasi sejak 7 Oktober 2024. Beberapa sesi pemeriksaan tapak telah diadakan bersama YB Lee Boon Heng, Jabatan Taman Botani serta para peniaga untuk mendapatkan maklum balas dan penambahbaikan dibuat berdasarkan input yang diterima.
- (iii) Surat Kebenaran Memulakan Kerja Tanah telah dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan MBPP pada 18 Oktober 2024 untuk tapak *Multi-Storey Car Park* dan pembinaan kereta kabel. Pada masa ini, kerja-kerja '*wash through*' sedang dilaksanakan di tapak dan dijangka selesai pada 9 November 2024. Mesyuarat *kick-off* untuk pelaksanaan kerja-kerja di tapak telah diadakan pada 24 Oktober 2024. Kerja-kerja akan bermula dari tapak *Garden Station* dan kerja perobohan dijalankan di tapak *Multistorey Car Park* pada bulan November 2024. Pihak kontraktor kini sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan cerucuk dan mobalisasi bahan pembinaan serta peralatan yang berkaitan.

PBBPP akan berganding bahu dengan pihak Hartasuma Sdn Bhd bagi memastikan pelaksanaan projek ini lancar dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2026.